


WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan
Keluaran 6 1981*

K A N D U N G A N :

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan	ms. 3
Rencana Pengarang	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan	ms. 5
Senarai AJK, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan —	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dolah —	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa —	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif —	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar —	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor —	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur —	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus —	ms. 50
BAHAGIAN PENYELIDIKAN:	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL —	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh —	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi —	ms. 63

Talipon: Seremban 72421 & 72311.
PEJABAT MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

فچابهه متری بسر
نکری سمبیان.

No. Fail MBNS. 1.09



MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

KATA-KATA ALUAN

—————: ★ : —————

Tahniah saya ucapan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Per-satuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "fuz adi," which is likely the signature of Dato' Rais Yatim.

DATO' RAIS YATIM
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:
8hb. Februari, 1982.



Persekutuan Negeri Sembilan

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

SERPIHAN RASA

— : 0 : —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD.ISA DATO'HJ.AD.SAMAD PMC)
Pengerusi
Persatuan Sejarah Malaysia,
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

RENCANA PENGARANG


————— : ★ : —————

Buat sekian kalinya ‘Warisan’ telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.

Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk menuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminal, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin menucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakri
Encik Hashim bin Jasa, AMN.
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)
Encik Mazlan bin Abdullah (Jelebu)
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.
Encik Nordin bin Bakari
Encik Abd. Aziz bin Salleh
Encik Ibrahim bin Mustafa
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
Puan Norini bt. Ali, PJK.
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

————— : ★ : —————

<i>Pengerusi</i>	:	En. Hashim bin Jasa, AMN.
<i>Setiausaha</i>	:	En. Ramthan bin Hj. Maarof
<i>Pen. Setiausaha</i>	:	En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Ahli Jawatankuasa</i>	:	Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PJK. En. Abd Hamid bin Idris En. Mustafa bin Hj. Sharif En. Mohd. Hisa bin Tahat En. Tan Ghee Peng, AMN. En. Ahmad bin Sihat En. Mazlan bin Abdullah En. Ibrahim bin Mustafa Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK. Puan Aishah bte Md. Sharif Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

SIDANG PENGARANG 1981 – 82.

————— : ★ : —————

<i>Pengarang</i>	:	En. Mazlan bin Abdullah (Ketua) En. Ibrahim bin Mustafa En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Rekabentuk</i>	:	En. Abd. Hamid bin Idris
<i>Kewangan & Pemasaran</i>	:	En. Tan Ghee Peng, AMN. Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.

RUMAH-RUMAH MELAYU NEGERI SEMBILAN —

SATU TINJAUAN.

OLEH: YAAKOB IDRUS



Bercakap tentang rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan bukanlah maksudnya sebarang rumah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu di negeri ini. Apa yang dimaksudkan ialah satu ragam senibina yang sering disalahertikan sebagai 'Rumah Minang' yang biasanya berbumbung lentic yang umum terdapat di seluruh Negeri Sembilan, khususnya di daerah-daerah Rembau, Kuala Pilah, Seri Menanti, Jelebu dan lain-lain. Sebenarnya terlalu banyak aspeknya yang boleh diperkatakan, tetapi di dalam tulisan ini akan cuba disentuh dua aspek utama:

- (a) Benarkah Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan ini berbentuk Minang.
- (b) Fungsi-fungsi ruang rumah itu dan nilai-nilainya berkaitan dengan resam dan budaya Melayu.


Untuk menjawab soalan pertama di atas kita harus mempastikan adakah setiap rumah yang berbumbung lentic itu Rumah Minang? Bumbung rumah suku Batak Toba juga lentic; begitu juga bumbung rumah suku Toraja di Sulawesi. Pada rumah-rumah berhalia Cina kita melihat garis-garis lentic. Setelah dibuat penelitian didapati setiap satunya itu mempunyai perbezaan dan ciri-cirinya masing-masing. Jika ditinjau dari segi hubungan sejarah memang tidak dapat dinafikan bahawa senibina Melayu Negeri Sembilan memang menerima pengaruh secara langsung dari senibina Tanah Minangkabau yang mungkin dibawa oleh penghijrah-penghijrah dari Sumatera Barat itu ke sini semenjak abad ke 15 lagi. Tetapi setelah melalui perjalanan zaman dan pengubahsuaian serta dijalin dengan pengaruh-pengaruh tempatan, maka semestinya telah tercipta satu ragam senibina yang tersendiri pula. Pada hemat saya rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan kini lebih tepat kalau dinamakan 'Rumah Negeri Sembilan' sahaja untuk membezakannya dengan bentuk-bentuk rumah yang lain seperti 'Rumah Melaka', 'Rumah Limas', 'Rumah Bumbung Perak' dan sebagainya.

Bahagian yang paling ketara untuk membezakan satu-satu jenis atau bentuk rumah ialah gaya binaan bumbungnya. Orang Melayu memang mempunyai bentuk bumbungnya yang tersendiri. Bumbung yang benar-benar asli Melayunya ialah bumbung panjang melintang seperti yang masih kekal pada bumbung-bumbung rumah Melaka dan Negeri Sembilan. Mubin Sheppard mendapati dari kajiananya bahawa bumbung panjang Melayu asli ini terdapat juga di Petani, Kelantan, Terengganu dan Kampuchea¹. Tetapi semenjak abad ke 18, satu pengaruh baru telah meresap ke dalam senibina Melayu iaitu dengan wujudnya bumbung atau perabung lima, yang lebih dikenali dengan panggilan 'Rumah Limas'.


1 Sheppard, Tan Sri Datuk Haji Mubin, kertas kerja dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, KKBS, Kuala Lumpur, 1973. h.425-431.

Bumbung Rumah Minangkabau dikatakan meniru atau mengambil sempena bentuk tanduk kerbau kerana menurut dongeng populer orang-orang suku Minangkabau bahawa kononnya mereka telah menang pertarungan kerbau dengan orang-orang Majapahit dengan tipuhelah, iaitu dengan melepaskan seekor anak kerbau yang sedang menyusu bernama 'si Banuang' yang telah disapukan racun ditanduknya yang ditajamkan untuk dilagakan dengan kerbau Majapanit itu. Tetapi bumbung rumah Negeri Sembilan tidaklah selentik bumbung Minang itu dan tidak juga menyerupai bentuk tanduk kerbau. Perhatikan tubir atap di kiri kanan bumbung yang berhampiran dengan tabir layar: Bumbung Minang diserongkan sedikit, kembang ke atas untuk menegaskan lagi bentuk tanduknya itu; sedangkan rumah Negeri Sembilan pula mempunyai tubir atap yang lurus ke bawah 90 darjah.



Darjah kelenturan bumbung rumah Negeri Sembilan tidaklah begitu ketara, hanya sekadar keupayaan lenturan kayu-kayu beruti yang digunakan sebagai gulung-gulung atap itu. Ini mungkin juga untuk menyesuaikan dengan atap rembia yang digunakan; manakala atap rumah Minang lazimnya menggunakan atap ijuk yang lebih mudah disesuaikan dengan kelentikan bumbung mereka.



Rumah Negeri Sembilan



Rumah Minangkabau.



Seperkara lagi, bumbung rumah Negeri Sembilan, dari sekecil-kecil rumah (tiang 4 batang) hingga besar-besarnya (Istana Tua di Seri Menanti), hanya mempunyai satu bumbung panjang sahaja. Ini tidak dikira bumbung anjung di pangkal dan hujung serambi. Manakala Rumah Minang Sengaja dibuat ber-'gonjong' yakni yang berbentuk tanduk iaitu empat "gonjong" pada bumbung ibu dengan satu "gonjong" hala ke depan di bahagian tengah bumbung; ataupun enam "gonjong" di bumbung ibu dan tambah satu "gonjong" di hadapan. "Gonjong" yang di hadapan itu biasanya berfungsi sebagai "rumah tangga" sahaja.

Selain daripada bahagian bumbung yang dapat membezakan rumah Minang dengan rumah Negeri Sembilan ialah tentang konsep ruang dalam rumah. Rumah Minang tiada langsung konsep *serambi*. Pada rumah-rumah Melayu, khususnya di Melaka dan Negeri Sembilan, ruang serambi panjang di bahagian hadapan rumah adalah satu kemestian. Ruang ini mengasingkan hadapan rumah dengan bahagian ibu rumah yang mesti didinding dan diberi sebuah pintu. Dan serambi *mesti* pula dibina lebih rendah dari lantai rumah ibu. Ini amat jelas dilihat di mana-mana rumah Melayu. Contoh yang jelas dapat dilihat pada bekas Istana Empang Tinggi (Muzim Negeri sekarang) dan juga pada Istana Tua Seri Menanti 2. Sedangkan rumah-rumah Minang, khususnya rumah-rumah adat, tiada mempunyai serambi; ertiinya, bila naik saja dari tangga, kita terus berada di dalam ruang rumah yang lapang tanpa apa-apa sekatan.


Lantai rumah Melayu ada beberapa aras atau level: serambi lebih rendah dari rumah ibu; begitu juga lantai rumah dapur lebih rendah dari rumah ibu dan seterusnya lantai ruang dapur masak serta pelantar air semakin rendah arasnya. Rumah Minang lantainya sama rata di mana-mana bahagian diistilahkan "seladang" (satu ladang). Kita tak tahu bagaimana boleh terjadi demikian. Bagi orang-orang Minang mungkin sesuai dengan konsep masyarakatnya "berdiri sama tinggi duduk sama rendah" itu. Tetapi bagi masyarakat Melayu mungkin menunjukkan adanya konsep hidup yang tersendiri: mungkin menunjukkan adanya susulapis masyarakat (hiraki) ataupun menunjukkan masyarakat Melayu memberikan keutamaan kepada perlindungan atau pengasingan lelaki-wanita: serambi ruang untuk lelaki dan rumah ibu pula untuk ruang wanita.

Satu lagi perbezaan yang jelas ialah letak tangga dan pintu. Rumah Minang semestinya berbentuk simetri: tangga hadapan semestinya terletak sama tengah bangunan, menjadikan bahagian kanan dan kiri rumah itu samukur, seolah-olah melambangkan satu ketegasan. Tetapi pada rumah-rumah Melayu pula seolah-olah menjadi satu pantang larang meletakkan pintu hadapan di tengah-tengah: tangga dan pintu hadapan biasanya diletakkan di sebelah pangkal serambi atau sebelah hilir rumah, tak boleh sekali-kali bersetentang dengan pintu rumah ibu. Begitu juga pintu pagar dilarang bersetentang dengan pintu rumah ibu, yakni apabila kita memasuki pintu pagar, kita tak boleh nampak bahagian dalam rumah.

Daripada perbezaan-perbezaan yang telah dibincangkan di atas ternyata wujudnya perbezaan konsep antara orang Melayu dengan orang Minangkabau samaada dari segi binaan rumah maupun resam, walaupun dikatakan Negeri Sembilan mempunyai pertalian yang amat erat dengan tanah Minangkabau. Di sini ternyata orang Negeri Sembilan mempunyai keperibadiannya sendiri. Saya berani mengatakan bahawa selain dari bentuk bumbung yang lentik ala Minang itu, rumah Negeri Sembilan lebih banyak mirip kepada bentuk rumah Melayu Melaka. Satu faktor lain yang boleh menjelaskan kenyataan ini ialah di kawasan-kawasan sempadan antara Negeri Sembilan dengan Melaka, seperti di Tampin, Naning, Simpang Empat, Berisu dan Lubuk Cina, memang popular sebutan 'Rumah Rembau' dan 'Rumah Melaka' dan orang-orang di kawasan-kawasan ini memang dapat mengenal dan membezakan kedua-dua jenis ragam senibina ini. Kemungkinan ini menunjukkan bahawa memang wujud bentuk rumah Negeri Sembilan yang tersendiri; bukan duplikat secara langsung dari Minangkabau. Kemungkinan pengaruh se-tempat lebih kuat daripada pengaruh mendatang; hubungan Negeri Sembilan dengan Melaka adalah lebih erat daripada hubungannya dengan Minangkabau. Bukti

² Sheppard, Haji Mubin. "Malay Palaces of The Past" dalam *Malaya in History*, Vol. VIII, December, 1962, Malayan Historical Society, Kuala Lumpur. h. 21-25.

yang jelas dapat dilihat dari kenyataan bahawa orang-orang Melayu di daerah Naning, Alor Gajah dan lain-lain yang bersempadan dengan Negeri Sembilan, sungguhpun menganut Adat Perpatih, tetapi rumah-rumah mereka semuanya bentuk Melaka. Kenapa mereka tidak mengikut bentuk rumah Minang?



"Rumah Hanlu" di Ulu Taman Tasik Seremban — paling mirip Bentuk Minang tetapi dengan adanya ruang serambi dan tangga di sisi, menjadikan ia masih berbentuk Melayu.

Merujuk kepada aspek ruang pula, seperti yang disebutkan di atas tadi, bahawa rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan adalah mempunyai ruang-ruang yang tertentu dan mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu pula. Kita harus menyedari bahawa senibina rumah Melayu bukannya hasil kreatif dari seseorang individu atau dari ide seorang arkitek tertentu. Ia adalah hasil dari warisan budaya nenek moyang Melayu. Ia lahir dari proses evolusi — dibentuk oleh zaman dalam mana tersirat dan terjalannya segala aspek kehidupan dan budaya Melayu. Pada senibina Melayu, khususnya rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan, adalah melambangkan corak hidup penghuninya yang diwarisi zaman berzaman, memenuhi keperluan hidup seseorang manusia sejak dari dalam kandungan ibunya membawalah ke tarikh matinya, malah hingga beberapa lama selepas matinya. Pendek kata kalau hendak mengkaji kehidupan orang Melayu kajilah menerusi senibinanya kerana senibina Melayu adalah mencerminkan kehidupannya.


Seorang anak dilahirkan di rumah bukan di hospital seperti sekarang ini. Tempat melahirkan anak ini disediakan di ruang tengah rumah, yang biasanya berhampiran dengan pintu hala ke rumah dapur. Untuk keperluan ini maka sengaja dijarangkan lantainya sedikit kira-kira lima keping lantai untuk memudahkan air turun ke bawah rumah bila mencuci sebarang kekotoran atau membasuh kesan-kesan ibu bersalin. Begitu jugalah bila ada kematian. Seseorang dijangka mati di rumahnya. Semasa sakitnya, adalah menjadi kebiasaan untuk membaringkannya di ruang tengah rumah ibu dan di situ lah dia dirawat. Apabila ia meninggal ia akan dimandikan di tempat yang sama — tempat melahirkan anak tadi. Dan di ruang tengah rumah ibu ini juga dia dikafarkan sebelum ia diusung ke ruang serambi untuk disembahyangkan sebelum diusung pula ke kubur.

Apabila seseorang anak berkahwin istiadat bersanding juga diadakan di ruang tengah rumah ibu, dan kemudian akan ditempatkan di dalam bilik di sebelah ruang tengah rumah ibu itu.

Kalau ada senjata-senjata lama warisan dari datuk nenek yang harus dihormati, maka ia akan diikatkan dengan kain kuning di bahagian atas tiang tengah rumah ibu. Begitu juga kalau ada menangkal atau menepungtaraw, maka alat-ramu tepung taraw itu akan diikatkan di tiang tengah itu dengan penuh istiadat. Pendeknya ruang tengah rumah ibu ini adalah ruang yang paling istimewa; yang harus dihormati. Ia adalah sebagai pusat tempat segala atat istiadat rasmi dilakukan.

Di bahagian atas rumah ibu ini biasanya diberi berlantai dinamakan *peran*. Di atas peran inilah biasanya diletakkan barang-barang antik dan lain-lain barang yang jarang digunakan seperti pinggan-mangkuk dan sebagainya. Peran juga dijadikan tempat tidur anak-anak gadis terutama bila ada kenduri-kendara.

Seperti disebutkan di atas tadi, ruang serambi adalah satu-satunya yang mesti pada rumah Melayu. Dan dengan adanya ruang serambilah memberikan satu ciri rumah Melayu yang membezakannya dengan rumah-rumah suku lain. Di serambilah tempat menjalankan segala urusan rasmi oleh kaum lelaki seperti istiadat pinang-meminang, jamuan kenduri, tempat menerima tamu khususnya tamu lelaki, tempat sembahyang berjumaah dan sebagainya. Serambi adalah sebagai sempadan untuk orang-orang datang selain dari keluarga sendiri. Melewati kawasan ini adalah dianggap tidak sopan. Sekiranya ada anak-anak lelaki membawa rakan-rakannya, tempatnya adalah setakat di serambi. Amat tidak manis kalau dibawa terus ke dalam atau ke dapur. Sekiranya keluarga jauh datang, pihak lelakinya akan ditempatkan di serambi juga. Ia akan dijangka tidur di serambi bersama anggota lelaki rumah itu, manakala yang perempuan akan ditempatkan di tengah rumah atau di rumah dapur.




Balai Raya Minang ini kelihatan moden dan beratap zing — "bergonjong tujuh", tetapi dengan susah payah zing itu dipotong dan dilentur demi mengekalkan tradisi lentik tanduk kerbau itu.

Ruang rumah dapur pula biasanya pusat semua aktiviti keluarga atau penghuni rumah itu. Di situalah tempat makan minum, tempat pertemuan sanak saudara rapat dan sebagainya. Sebab itulah sering kedapatan hanya ruang rumah dapur yang sering bertunggu. Ruang rumah ibu dan serambi jarang-jarang berpenghuni.

Tinggal lagi satu ruang yang mencirikan rumah orang-orang rumpun Melayu ialah ruang bawah atau kolong. Memang kebanyakkan rumah-rumah suku Melayu dibina bertiang dan berlantai kira-kira enam kaki dari tanah. Kolong ini tidaklah penting untuk tempat kediaman tetapi amat penting fungsinya sebagai tempat meletak atau meneduhkan barang-barang untuk sementara, seperti mengam-paikan kain, tempat meletakkan bekas-bekas padi, tempat mengurung anak ayam-itik, dan sebagainya. Selain daripada itu ruang bawah rumah ini dapat menge-lakkan dari banjir dan memberikan pengudaraan (ventilation) yang baik.

Kesimpulannya setiap ruang rumah Melayu Negeri Sembilan adalah mem-punyai fungsi yang "vital" sesuai dengan kehendak dan keperluan penghuninya dalam semua aspek kehidupan sama ada dari aspek budaya maupun aspek agama. Dapatkah senibina rumah moden sekarang ini memenuhi segala keperluan Melayu yang sebenarnya! Sama-sama lah kita renungkan.

- Satu soalan ingin kita tanyakan: Berapa lamakah dapat bertahannya seni-bina WARISAN bangsa ini dari hakisan senibina moden? Mungkinkah ia akan hanya tinggal nama sahaja? Ini terpulanglah kepada pemikiran dan mentaliti orang-orang kita yang berlumba-lumba membina rumah kini; adakah mereka sedang terpesona oleh ungkapan "memiliki rumah batu" ataupun kerana terpaksa mematuhi keperluan insuran dan lain-lain? Walau apa pun kita berharap nilai-nilai budaya yang kaya pada senibina asli kita tidak akan hapus begitu saja seba-gaimana hilangnya tukang-tukang Melayu yang mahir sekarang ini.



Istana Lama di Seri Menanti ini sungguhpun berbentuk simetri ala Minang tetapi masih jelas Melayunya kerana ia berserambi panjang dan lantainya lebih rendah daripada aras lantai rumah ibu.

Bahan-bahan rujukan

- Baharuddin Kassim, "Kemajuan Senibina Selepas Merdeka" (kertas kerja Kongres), **Asas Kebudayaan Kebangsaan**, KKBS, KL. 1973.

- Ezrin Arbi, "Pengaruh Senibina Asing di Malaysia", **Asas Kebudayaan Kebangsaan**, KKBS, KL. 1973.
- Hijjas Kasturi, "Senibina Asli Serumpun", **Asas Kebudayaan Kebangsaan**, KKBS, KL. 1973.
- Morley, P.G., "Malay Timber Building", **PETA** — Journal of The Fed. of Malaya Society of Architects, Vol. 1 No. 2, Nov. 1955.
- Sheppard, Tan Sri Haji Mubin, "Malay Palaces of The Past", **Malaya In History** — Vol. VIII, Malayan Historical Society, KL. Dic. 1962.
- , Kerta Kerja dalam **Asas Kebudayaan Kebangsaan**, KKBS, KL. 1973.
- Sherwin, Dean, "Malay Roof Form and Ventilation", **Majallah Arkitek**, 1:1977.
- , "From Batak to Minangkabau — An Architectural Trajectory", Majallah Arkitek, 1:1979.

Dua mata yang tidak akan disentuh api Neraka ialah mata yang menangis kerana takutkan Allah dan mata yang berjaga mengawal pada jalan Allah.

— *Sabda Rasullullah.*

Nafsu dan perasaan yang buruk bukan asas yang sehat bagi perjuangan.

— *Datuk Sri Dr. Mahathir Mohd.*